

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 MAC 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10

## Tempoh proses permohonan permit ekspatriat dipendekkan

### Tempoh proses permohonan permit ekspatriat dipendekkan



Rafizi ketika sidang akbar di bangunan Parlimen pada Selasa.

**KUALA LUMPUR** - Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) bersetuju satu kaedah dan proses permohonan ekspatriat yang lebih pendek dan baik akan diumumkan kerajaan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, perkara tersebut mendapat persetujuan menerusi mesyuarat pertama agensi berkenaan dan pengumuman mengenainya akan dibuat dalam tempoh tiga bulan dari sekarang.

"Tiga bulan itu memberi ruang dan masa kepada semua agensi terlibat untuk lakukan harmonisasi (penyelaras), bagi memastikan usaha memudah dan memendekkan permohonan permit ekspatriat (selain) ia juga mematuhi semua kehendak undang-undang dan dasar negara.

"Keputusan dibuat selepas perbincangan bersama pihak industri dan pelabur mengenai tempoh permohonan permit ekspatriat yang terlalu lama hingga memberi kesan kepada ekonomi negara," katanya pada sidang akbar di bangunan Parlimen pada Selasa.

Sebelum ini media melaporkan, platform Pemudah telah diaktifkan semula bagi menyelesaikan proses dan prosedur di peringkat kerajaan sekali gus mempercepatkan urusan perniagaan.

Selain itu, ia juga bagi memastikan Malaysia sebagai destinasi mesra perniagaan dan pelaburan.

Rafizi yang juga Pengurus Bersama Pemudah turut memaklumkan, kerajaan juga bersetuju untuk mempertingkatkan program Akademi dalam Kilang (AiF) secara nasional yang mana projek perintis itu telah dilaksanakan sejak sekian lama.

"Antara kebimbangan utama yang berulang kali dibangkitkan oleh pelabur dan industri adalah mengenai keperluan untuk agensi kerajaan memudahkan, mengukuhkan dan memendekkan proses permohonan permit ekspatriat.

"Ia akan membantu ekonomi negara untuk tidak bergantung kepada pekerja asing selain dapat membantu menangani isu ketidakpadanan pekerjaan," ujar bellau.